

Tarikh-tarikh Penting

- Penghantaran abstrak 17 Jun 2010
- Keputusan penerimaan abstrak 17 Julai 2010
- Penghantaran kertas kerja lengkap 30 Ogos 2010

Maklumat Penginapan

PURI PUJANGGA

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Tel : 603 8921 3361 / 3362
Fax : 603 8922 2890
www.ukmholdings.ukm.my/puri/

HOTEL EQUATORIAL BANGI-PUTRAJAYA

Off Persiaran Bandar
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor, Malaysia
Tel: 603 8925 1111 / 603 8210 2222
Faks: 603 8210 2888
www.equatorial.com/bng/

HOTEL SMART

22-1-1, Jalan Medan
Pusat Bandar 4A
Seksyen 9, Bandar Baru Bangi
43650 Bangi, Selangor
Tel: 603 8926 7273
Faks: 603 8925 2836
www.smarthotel.com.my

HOTEL PUTRAJAYA MARRIOTT HOTEL

IOI Resort
62502 Putrajaya Malaysia
Tel: 603 8949 8888
Faks: 603 8949 8999
www.marriottputrajaya.com

Untuk Maklumat Lanjut

Prof Madya Dr Mohammad Fadzeli Jaafar
Setiausaha SEBUMI3 2010
d/a Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia

Faks: 03-8925 5836
Tel: 03-8921 6953
Emel: sebumi3.2010@gmail.com
Laman web: www.ukm.my/sebumi3




sebumi3 2010

Anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia
dan Universitas Indonesia

Penjana Ilmu Serumpun Ke arah Kelestarian Penyelidikan dan Kecemerlangan Akademik

12 - 13 Oktober 2010
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

www.ukm.my/sebumi3



Pendahuluan

Seminar bersama antara UKM-UI ataupun SEBUMI adalah satu seminar dwitahunan anjuran bersama kedua-dua universiti. SEBUMI yang pertama telah diadakan di UKM pada 15-16 Disember 2005 yang bertemakan “Cabaran Semasa Isu Rentas Sempadan Malaysia-Indonesia”. Penganjuran seminar SEBUMI kali ke-2 bertema “Pengantarabangsaan Melayu Serumpun Ke arah Kegemilangan Bersama” diadakan di kampus utama UI iaitu di Depok pada 17-18 Jun 2008 yang membuka tabir dan jaringan akademik yang lebih luas.

Kerjasama rapat yang telah terbentuk ini diperkukuhkan lagi melalui seminar kali ke-3 iaitu SEBUMI 2010 yang akan dianjurkan pula oleh UKM di kampus Bangi, Selangor pada 12-13 Oktober 2010. SEBUMI 2010 menyediakan landasan lebih mantap dan dinamik untuk mencapai matlamat sepunya dalam mencipta kerjasama serumpun ke arah kelestarian penyelidikan dan perkembangan akademik kedua-dua universiti. Sesuai dengan matlamat membina satu wawasan menjana ilmu serumpun maka tema yang dipilih untuk SEBUMI kali ke-3 ialah “PENJANAAN ILMU SERUMPUN KE ARAH KELESTARIAN PENYELIDIKAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK”.



Latar Belakang

Kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia adalah suatu yang perlu dipupuk dan dilestarikan terutamanya di kalangan para ilmuan yang arif tentang perkembangan isu semasa kedua-dua buah negara. Pengetahuan dan kepekaan yang wujud adalah hasil penelitian dan analisis secara berterusan melalui penyelidikan empirikal, perbincangan serta wacana intelektual di kalangan para akademik. Seminar SEBUMI merupakan landasan bagi ahli-ahli akademik dari UKM dan UI juga universiti lain serta pihak-pihak berkepentingan untuk sama-sama membincangkan tentang isu-isu kepentingan bersama dan mencari alternatif serta memberi saranan ke arah penyelesaian masalah secara bersepadu. Isu-isu yang merentasi sempadan dan mencakupi ruanglingkup sejagat cukup sesuai untuk dibincangkan melalui satu landasan yang disertai oleh pelbagai lapisan ilmuan dan pakar dari pelbagai disiplin.

Sesungguhnya, SEBUMI memberi peluang ke arah penjana ilmu pengetahuan dan maklumat terkini dalam pelbagai bidang ilmu falsafah dan teori budaya dan bahasa, agama, komunikasi, hubungan antarabangsa, gender, psikologi, etika, persekitaran, pembangunan insan dan seumpamanya bagi membentuk kerjasama dua hala, yang seterusnya merangsang pertumbuhan dan kegemilangan serumpun dalam kelestarian penyelidikan dan pertumbuhan akademik. Perhubungan yang terjalin ini seterusnya akan menjadi katalis ke arah terciptanya hala tuju sepunya dan kedamaian serumpun.

Objektif Seminar

1. Membina landasan kerjasama serumpun ke arah kecemerlangan akademik dan penyelidikan antara kedua-dua universiti.
2. Mewujudkan jaringan kesarjanaan dan kepakaran dalam kalangan ahli-ahli akademik dari UKM dan UI secara khusus, dan jaringan bersama universiti-universiti lain, secara umumnya.
3. Membincangkan isu-isu kepentingan sepunya ke arah tindakan bersama melalui wacana intelektual dan penyampaian saranan.

Tema Seminar

PENJANAAN ILMU SERUMPUN KE ARAH KELESTARIAN PENYELIDIKAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

Subtema Seminar

- Bahasa, Sastera dan Kuasa Wacana
- Agama dan Cabaran Global
- Media, Khalayak dan Demokrasi
- Sains Kesihatan dan Persekitaran
- Gender dan Pembangunan Insan
- Psikologi, Falsafah dan Peradaban
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Politik, Keamanan dan Konflik
- Pembangunan Sumber Manusia dan Pengkomersilan
- Integrasi Budaya dan Perubahan Sosial
- Undang-undang, Etika dan Profesionalisme

Peserta Seminar

Penyertaan terbuka kepada ahli-ahli akademik, penyelidik dan pelajar sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Indonesia serta dari universiti-universiti lain di Malaysia, Indonesia dan Negara-negara di rantau Asia, pembuat dasar, wakil dari badan bukan kerajaan (NGO) dan pakar profesional.

Yuran Penyertaan

- Pembentang dan Peserta RM250.00
- Pelajar Sarjana RM100.00

Bayaran melalui cek hendaklah ditulis kepada “Bendahari UKM”.

Format Penulisan

Kertas kerja seminar boleh ditulis dalam BAHASA INGGERIS atau BAHASA MELAYU. Abstrak hendaklah ditulis menggunakan Times New Roman bersaiz 11 poin dan tidak melebihi 200 patah perkataan. Kertas kerja lengkap pula hendaklah ditulis tidak melebihi 15 halaman menggunakan Times New Roman bersaiz 12 poin, langkau 1.5 dan rujukan ditulis mengikut gaya American Psychological Association (APA).